



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2021**



**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
2021**

Penasihat
Dr. Fauziah binti Ahmad

Editor
Dr. Rapeah binti Mohd Yassin
Datin Dr. Nazita binti Yaacob

Edisi Pertama 2021

@Program Kesihatan Pergigian KKM

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Editor Dr. Rapeah binti Mohd Yassin, Datin Dr. Nazita binti Yaacob.

ISBN 978-967-19520-1-6

1. Dentistry--Handbooks, manuals, ec.
 2. Dentistry--Management--Handbooks, manuals, ec.
 3. Government publications--Malaysia
 - I. Rapeah Mohd. Yassin, Dr,
 - II. Nazita Yaacob, Datin, Dr,
 - III. Malaysia, Kementerian Kesihatan, Program Kesihatan Pergigian.
- 617.6

MOH/K/GIG/8-2021(GU)

Diterbitkan oleh,

Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel: 603 - 88834215

Faks: 603 - 88886133

Emel: ohd@moh.gov.my

Website: <http://ohd.moh.gov.my>

Facebook: www.facebook.com/pergigiankkm

PRAKATA



**Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Perluasan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dilaksanakan dengan kolaborasi antara Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kepakaran dan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer bagi memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan pergigian yang ditawarkan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari merupakan satu perkhidmatan kesihatan pergigian yang diberikan kepada pesakit terlantar yang stabil dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan pergigian selepas discaj dari fasiliti hospital berpakar kerajaan dan ianya juga melibatkan pesakit yang dirujuk oleh Pegawai Pergigian dari Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer untuk mendapatkan khidmat Pakar Pergigian di rumah atau institusi dimana pesakit berada.

Perkhidmatan ini akan menjadi sebahagian daripada aspek perkhidmatan yang penting dalam memberikan rawatan pergigian yang selamat kepada golongan yang terlantar di rumah atau institusi. Golongan pesakit ini kebiasaannya mempunyai kompromi perubatan termasuklah mereka yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan dan warga emas yang memerlukan pelbagai rawatan pergigian. Justeru itu, ianya memberi cabaran yang tersendiri kepada warga pergigian dalam menawarkan rawatan pergigian yang selamat kepada pesakit.

Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari juga dapat menambah keyakinan anggota dalam memberi penjagaan kesihatan pergigian berterusan kepada pesakit yang memerlukan dan memperkasakan ahli keluarga atau penjaga dalam aspek jagaan kesihatan pergigian pesakit di

rumah. Pemerkasaan ahli keluarga atau penjaga merupakan aspek penting yang dititikberatkan dalam Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari agar kesinambungan penjagaan kesihatan pergigian dapat diteruskan bagi mencapai matlamat kesihatan pergigian yang optimal.

Harapan saya agar dengan terhasilnya garis panduan ini, akan memudahkan anggota pergigian dalam pengurusan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dengan lebih baik dan sistematik.



Dr. Noormi binti Othman

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
KANDUNGAN	v
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TUJUAN DOKUMEN	2
3.0 TUJUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	3
3.1 Objektif Am	3
3.2 Objektif Khusus	3
4.0 DEFINISI	3
5.0 SKOP PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	4
5.1 Akses Kepada Perkhidmatan	4
5.2 Kriteria Pemilihan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari	5
5.2.1 Kriteria Pesakit	5
5.2.2 Kriteria Sosial	5
5.2.3 Kriteria Klinikal	6
6.0 PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	6
7.0 LATIHAN	11
8.0 RUJUKAN KEPADA PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	11
8.1 Sumber Rujukan	11
8.2 Rujukan Pesakit Kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari	11
9.0 PERANCANGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	13
9.1 Senarai Peralatan dan Bahan Pergigian yang Diperlukan	13
9.2 Pengangkutan	13
9.3 Isu Kesihatan dan Keselamatan	13
9.3.1 Kawalan Jangkitan	13
9.3.2 Pengurusan Sisa Klinikal	14
9.3.3 Pemantauan Biologi	14

9.3.4 Keselamatan Diri	14
9.3.5 Keselamatan Individu dan Kediaman	15
9.3.6 Penilaian Risiko Persekitaran	15
9.4 Protokol Perubatan Kecemasan	15
9.5 Persediaan di Rumah / Institusi	16
10.0 KRITERIA DISCAJ	16
11.0 CAJ PERKHIDMATAN	16
12.0 PEMANTAUAN DATA DAN PENYIMPANAN REKOD	17
12.1 Borang-borang	17
12.2 Rekod	18
12.3 Cadangan Indikator Perkhidmatan	18
12.4 Cadangan Indikator <i>Outcome</i>	18
12.5 Pengukuran Keberkesanan	18
RUJUKAN	19
PENGHARGAAN	21
LAMPIRAN	22
LAMPIRAN 1: CARTA ALIR PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	23
LAMPIRAN 1a: PROSES KERJA PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	25
LAMPIRAN 2: KIT DOMISILIARI	30
LAMPIRAN 3: SURAT RUJUKAN KEPADA PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI PRIMER	33
LAMPRAN 4: SENARAI SEMAK KRITERIA KELAYAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI	37
LAMPIRAN 5a: <i>CONSENT FORM FOR DOHS BY CAREGIVER</i>	39
LAMPIRAN 5b: BORANG PERSETUJUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI OLEH PENJAGA	41
LAMPIRAN 6: KEIZINAN PEMBEDAHAN / PROSEDUR	43
LAMPIRAN 7: SURAT AKTA Fi	45
LAMPIRAN 8: CAJ RAWATAN / RAWATAN PERGIGIAN	47

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Perkembangan dalam bidang sains kesihatan dan perubatan telah membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menikmati kehidupan berkualiti walaupun dengan pelbagai keadaan kesihatan kronik dan ketidakupayaan¹. Keadaan ini bukan sahaja membolehkan rakyat Malaysia hidup lebih lama, malah mereka juga mampu menjaga kesihatan oral sehingga usia yang lanjut². Ini memberi cabaran baru kepada warga pergigian dalam memberikan rawatan pergigian yang selamat kepada pesakit yang mempunyai kompromi perubatan termasuklah mereka yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan dan warga emas yang memerlukan pelbagai rawatan pergigian apabila mereka kurang mampu untuk bertoleransi dalam menerima rawatan pergigian³. Kebanyakan warga emas kini dilaporkan mengalami masalah kesihatan yang rumit, masalah kewangan serta kesukaran mendapatkan pengangkutan yang sesuai untuk mengakses fasiliti kesihatan pergigian⁴. Oleh itu, warga pergigian haruslah lebih komited dari segi masa rawatan, kemahiran, dan peralatan yang diperlukan dalam memberikan rawatan kepada pesakit sebegini^{1,5}. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dijangkakan akan menjadi sebahagian daripada aspek perkhidmatan yang penting pada masa hadapan dalam memberikan rawatan pergigian yang selamat kepada golongan warga emas yang terlantar di rumah/institusi.

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari adalah berasaskan kepada perkhidmatan yang dimulakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1993 melalui perkhidmatan pergigian yang diberikan kepada warga emas di institusi-institusi penjagaan warga emas dan seterusnya telah diperkembangkan pada tahun 2002 dan sekali lagi pada tahun 2014 setelah semakan semula Garis Panduan Penjagaan Kesihatan Mulut untuk Warga Emas dilakukan.

Perkhidmatan ini adalah sejajar dengan cabaran yang ke-7 Wawasan 2020 yang memberi penekanan kepada 'Mewujudkan Masyarakat Penyayang dan Budaya Menyayangi'.

Garis panduan ini menggariskan protokol pemberian rawatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari yang berkualiti tinggi kepada kumpulan sasar melalui kerjasama antara Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kepakaran dan Primer. Garis panduan ini juga dapat menjadi bahan rujukan kepada mereka yang merancang untuk memulakan perkhidmatan pergigian domisiliari sama ada oleh kesihatan pergigian primer atau kepakaran sekiranya perlu. Paling penting, garis panduan ini membentangkan tatacara dalam menentukan kesesuaian dan keperluan rawatan pergigian domisiliari, carta aliran untuk meneruskan rawatan pesakit daripada Kepakaran Pergigian Penjagaan Khas kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer serta Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam (UPPKA) untuk memastikan kesinambungan rawatan pesakit tidak terjejas (**Lampiran 1**).

2.0 TUJUAN DOKUMEN

Dokumen ini menggariskan panduan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan pergigian domisiliari yang selamat, efisien dan berkesan oleh Pakar atau Pegawai Pergigian yang terlatih di Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan yang berkualiti tinggi boleh dicapai melalui pembelajaran dan latihan yang diberikan kepada kakitangan terbabit. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen lain yang berkaitan seperti peraturan dan undang-undang sedia ada, etika kerja dan pentadbiran klinikal di mana perkhidmatan tersebut diberikan. Ianya akan dikaji dan dikemaskini secara berkala mengikut keperluan perkhidmatan semasa.

3.0 TUJUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

3.1 Objektif Am

Menyediakan rawatan kesihatan pergigian yang sesuai dan berkesan kepada individu yang tidak dapat menerima rawatan pergigian di fasiliti pergigian disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu, dan seterusnya dapat menjamin kualiti kehidupan pesakit sejajar dengan nilai-nilai profesionalisme, penyayang dan kerja berpasukan.

3.2 Objektif Khusus

- a. Untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada individu dalam komuniti yang memerlukan penjagaan kesihatan pergigian yang hanya dapat dilakukan melalui perkhidmatan domisiliari dengan mewujudkan sistem yang sesuai.
- b. Untuk menyediakan perkhidmatan pergigian yang mengambil kira keadaan, sikap dan harapan pesakit dalam menentukan keperluan rawatan bersesuaian dengan sumber sedia ada.
- c. Untuk menggalakkan penglibatan penjaga dan ahli keluarga dalam penjagaan kesihatan pergigian pesakit.

4.0 DEFINISI

Perkhidmatan domisiliari boleh didefinisikan sebagai perkhidmatan temu seru yang disediakan untuk golongan yang tidak dapat mengakses perkhidmatan tersebut⁶. Istilah ini merujuk kepada rawatan yang dilakukan di kediaman pesakit sama ada secara kekal atau sementara dan bukannya rawatan yang dilakukan di fasiliti pergigian⁶. Rawatan biasanya dilakukan di kediaman persendirian pesakit, institusi-institusi penjagaan warga emas dan golongan kurang upaya, hospital, serta pusat rawatan harian. Walau bagaimanapun, saringan kesihatan

pergigian atau *oral health screening* sahaja tidak boleh diklasifikasikan sebagai perkhidmatan pergigian domisiliari.

5.0 SKOP PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

5.1 Akses Kepada Perkhidmatan

Rawatan pergigian yang sesuai dilakukan ketika rawatan pergigian domisiliari adalah terhad kepada rawatan tertentu seperti yang disenaraikan di bawah:-

- a. Pemeriksaan pergigian
- b. Pemberian khidmat nasihat penjagaan kesihatan mulut
- c. Penskaleran dan penggilapan gigi
- d. Tampalan sementara gigi
- e. Tampalan gigi yang mudah dan tidak kompleks
- f. Cabutan gigi yang tidak kompleks
- g. Aplikasi terapi pencegahan topikal termasuk penyapuan flourida pada permukaan gigi
- h. Fabrikasi dan prosedur berkaitan gigi palsu
- i. Preskripsi dan pengagihan ubat-ubatan

Anggota Pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari seperti di dalam **Jadual 1** bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap rawatan pergigian yang dilakukan adalah untuk kepentingan pesakit, selamat dan tidak membahayakan keselamatan pesakit selari dengan etika dan prinsip kerja bidang perubatan dan pergigian yang menekankan pengekalan autonomi pesakit, membawa kebaikan kepada pesakit, tidak memudaratkan pesakit serta mengekalkan hak-hak pesakit dari segi undang-undang.

Sekiranya rawatan yang lebih kompleks diperlukan, seperti tampalan gigi yang kompleks atau pembedahan kecil mulut, pegawai yang merawat haruslah mempertimbangkan risiko-risiko dan faedah menjalankan prosedur tersebut semasa lawatan domisiliari dan haruslah dibincangkan dengan pesakit dan penjaga. Semua prosedur

rawatan haruslah dibincangkan dan didokumentasikan di dalam rekod pesakit.

'Mix and match' adalah salah satu kaedah rawatan yang boleh digunakan sekiranya bersesuaian. Ia menggabungkan rawatan pergigian yang dijalankan semasa lawatan domisiliari dan juga yang dijalankan di fasiliti pergigian bergantung kepada kerumitan rawatan yang diperlukan dan keadaan pesakit.

5.2 Kriteria Pemilihan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

Apabila pesakit dirujuk kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari, adalah penting untuk memastikan bahawa:

- Pesakit memenuhi kriteria Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
- Kebenaran bertulis oleh pesakit atau penjaga telah diterima
- Risiko-risiko rawatan pergigian domisiliari dapat diminimakan

5.2.1 Kriteria Pesakit

- i. Pesakit yang memerlukan penjagaan kesihatan khas seperti pesakit terlantar dan penjagaan yang berterusan
- ii. Pesakit telah diperiksa dan dinilai oleh pakar
- iii. Pesakit memerlukan penjagaan kesihatan mulut paliatif

5.2.2 Kriteria Sosial

- i. Pesakit tidak dapat mengakses fasiliti pergigian
- ii. Pesakit atau penjaga boleh memberikan kebenaran
- iii. Pesakit atau penjaga boleh dihubungi melalui telefon
- iv. Penjaga atau anggota keluarga hadir semasa rawatan pergigian dijalankan
- v. Persekitaran institusi atau rumah persendirian adalah selamat untuk menjalankan rawatan pergigian
- vi. Penjaga pesakit atau ahli keluarga yang menanggung

beban yang tinggi seperti masalah kewangan, ketiadaan penjaga lain untuk anak-anak dan pesakit

5.2.3 Kriteria Klinikal

- i. Keadaan perubatan pesakit membolehkan pemeriksaan mulut dan penerimaan rawatan pergigian yang rutin dijalankan
- ii. Prosedur pergigian yang berisiko rendah, seperti risiko pendarahan dan infeksi yang rendah
- iii. Kebenaran bertulis boleh diperolehi daripada pesakit/ penjaga/ saudara terdekat

6.0 PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

- a. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dijalankan dengan kerjasama di antara Perkhidmatan Pergigian Primer dan Perkhidmatan Pergigian Kepakaran termasuk Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam (UPPKA).
- b. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dijalankan oleh pasukan-pasukan pergigian yang telah dikenal pasti dan dilatih daripada Perkhidmatan Pergigian Primer dan Perkhidmatan Pergigian Kepakaran.
- c. Kawasan lingkungan perkhidmatan ini dihadkan kepada 25 km daripada klinik Pergigian Primer atau UPPKA yang terlibat (untuk rujukan daerah) dan tiada had lingkungan perkhidmatan bagi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari yang diberikan oleh Perkhidmatan Pergigian Kepakaran.
- d. Perkhidmatan akan disediakan mengikut keperluan kes yang dirujuk ke Perkhidmatan Pergigian Kepakaran dengan memberi keutamaan kepada kes kecemasan.
- e. Perkhidmatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari hanya dijalankan pada waktu pejabat (8.00 pagi hingga 5.00 petang).

- f. Lawatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari dilakukan oleh satu pasukan yang mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang ahli.
- g. Semua anggota Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari diwajibkan membawa kad identiti warga kerja KKM dan mempamerkannya semasa lawatan.
- h. Kebenaran untuk melawat pesakit haruslah diperolehi terlebih dahulu daripada pesakit atau keluarga sebelum lawatan diadakan.
- i. Pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari haruslah mematuhi Polisi dan Amalan Pembasmian Kuman & Pensterilan semasa menjalankan rawatan.
- j. Rawatan domisiliari boleh dilakukan dalam beberapa lawatan atau boleh digabungkan dengan rawatan di fasiliti pergigian.
- k. Seorang ahli keluarga atau penjaga haruslah hadir semasa rawatan domisiliari dijalankan.
- l. Proses Kerja bagi pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari boleh dirujuk di **Jadual 2**.

Jadual 1: Anggota Pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

Pergigian Kepakaran	Pergigian Primer
• Pakar Pergigian • Pegawai Pergigian (PP) (mengikut keperluan) • Juruterapi Pergigian (mengikut keperluan) • Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) • Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) (mengikut keperluan) • Pemandu	• Pegawai Pergigian (PP) • Juruterapi Pergigian (mengikut keperluan) • Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) • Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) (mengikut keperluan) • Pemandu

Jadual 2: Proses Kerja Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

Bil.	Proses Kerja	Standard	Rujukan	Tindakan
1	Memeriksa jadual domisiliari sebelum hari lawatan	• Aktiviti domisiliari dilakukan seperti yang dirancang	• Jadual kerja domisiliari/ penggiliran kerja (<i>rotation</i>)	• Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
2	Perancangan jadual kerja	• Memeriksa maklumat dan butiran pesakit dalam borang rujukan dan merancang rawatan pesakit • Merancang prosedur mengikut perancangan rawatan • Menyediakan peralatan dan bahan pergigian yang sesuai	• Rekod pesakit • Beg peralatan untuk domisiliari • Senarai peralatan dan bahan pergigian	• Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

Bil.	Proses Kerja	Standard	Rujukan	Tindakan
3	Kebolehan untuk memberi persetujuan/ kebenaran rawatan	• Menilai keupayaan pesakit untuk memberikan kebenaran bertulis untuk prosedur pergigian yang dirancang • Sekiranya pesakit tidak dapat memberikan kebenaran, ahli keluarga/penjaga yang sesuai harus dikenalpasti untuk memberi kebenaran bertulis	• Borang kebenaran rawatan KKM	• Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
4	Pemberian rawatan pergigian domisiliari	• Pemeriksaan pergigian • Pemberian rawatan pergigian • Pemberian khidmat nasihat mengenai kesihatan mulut kepada pesakit/ penjaga/ ahli keluarga	• Rekod pesakit • Beg peralatan untuk domisiliari • Senarai peralatan dan bahan pergigian	• Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
5	Pemantauan kesihatan mulut	• Memantau status kesihatan mulut pesakit • Memantau masalah kesihatan perubatan / mulut pesakit semasa lawatan susulan	• Rekod pesakit	• Pakar/ Pegawai Pergigian

Bil.	Proses Kerja	Standard	Rujukan	Tindakan
6	Rujukan	Menyemak surat rujukan daripada Perkhidmatan Primer kepada Perkhidmatan Kepakaran	Surat rujukan	Pakar/ Pegawai Pergigian
7	Discaj	Discaj pesakit mengikut kriteria discaj	Rekod pesakit	Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
8	Janji temu susulan	Janji temu susulan diberikan sekiranya rawatan pergigian yang lebih lanjut diperlukan	Buku janji temu	Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
9	Pembayaran	Menerima pembayaran perkhidmatan yang perlu daripada pesakit	- Resit - Akta Bayaran Pergigian (KK/BP/WA (S)/09/692/79 Jld.6 sk2 /2013 (1b), 2013 (untuk gigi palsu sahaja)	- Pegawai Pergigian - Pembantu Pembedahan Pergigian
10	Dokumentasi	Semua prosedur pergigian mesti direkodkan dalam rekod pesakit dan reten	- Rekod pesakit - Borang reten	Ahli pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

7.0 LATIHAN

Pasukan pergigian yang terlibat dengan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari haruslah mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang berkaitan dengan aspek perkhidmatan domisiliari. Mereka mestilah menghadiri latihan yang diberikan oleh Pakar Pergigian Penjagaan Khas yang merangkumi peraturan-peraturan tempatan dan bimbingan profesional.

Komponen latihan yang diberikan merangkumi penyediaan peralatan dan bahan-bahan untuk Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari, pengurusan kecemasan, latihan dalam pemberian rawatan pergigian berdasarkan keadaan pesakit serta isu-isu berkaitan dengan keselamatan. Perkhidmatan domisiliari yang efektif memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang lebih luas dan bukan sahaja berkenaan rawatan pergigian klinikal.

8.0 RUJUKAN KEPADA PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

8.1 Sumber Rujukan:

- Hospital / klinik kerajaan atau swasta (Klinik Pergigian dan Kesihatan)
- Pasukan Perubatan Domisiliari di Klinik Pergigian Primer
- Klinik / Wad Geriatrik
- Klinik / Wad Rehabilitasi
- Rumah dan institusi-institusi penjagaan warga emas

8.2 Rujukan Pesakit Kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

Pesakit haruslah dirujuk kepada perkhidmatan kepakaran pergigian seperti Pergigian Penjagaan Khas atau lain-lain kepakaran yang berkaitan seperti Periodontik dan sebagainya terlebih dahulu untuk pemeriksaan saringan kes rujukan berdasarkan kriteria yang telah dinyatakan di atas. Pesakit yang layak menerima rawatan akan diperiksa oleh Pakar Pergigian untuk memastikan diagnosa dan menetapkan pelan rawatan pergigian. Sekiranya pesakit memerlukan sebarang rawatan kecemasan, rawatan ini akan dilakukan oleh pakar tersebut melalui Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari.

Pesakit yang tidak lagi memerlukan rawatan susulan pakar, tetapi memerlukan perawatan penjagaan kesihatan oral secara berkala dan prosedur pergigian rutin, akan dirujuk kepada pasukan domisiliari di Perkhidmatan Pergigian Primer atau UPPKA. Surat rujukan adalah seperti di dalam **Lampiran 3**. Pasukan ini akan memantau kesihatan mulut pesakit dan akan berkomunikasi dengan pakar dalam memastikan pengurusan kesihatan pergigian pesakit-pesakit berjalan dengan lancar. Anggota-anggota pasukan pergigian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari harus berkebolehan untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan klinikal mereka, standard dan kebolehan profesional mereka ke persekitaran bukan klinikal. Walau bagaimanapun, jika Pegawai Pergigian yang merawat mendapati bahawa beliau tidak berkemampuan untuk meneruskan rawatan yang diperlukan kerana kekurangan pengalaman dan pengetahuan atau keadaan pesakit yang rumit, pegawai hendaklah merujuk pesakit tersebut kepada pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari. Set kemahiran yang spesifik untuk memastikan kerjasama berpasukan dan fleksibiliti rawatan di antara pasukan-pasukan pergigian kepakaran domisiliari dan primer boleh diterjemahkan melalui akronim (CAMPING) seperti berikut:

- C - ***Communications*** (Kebolehan berkomunikasi)
- A - ***Assertiveness and anticipation*** (Ketegasan dan kebolehjangkaan)
- M - ***Manual handling*** (Pengendalian manual)
- P - ***Planning and time management*** (Perancangan kerja dan pengurusan masa)
- I - ***Improvisation*** (Penambahbaikan)
- N - ***Networking and liaison*** (Rangkaian dan hubungan)
- G - ***Gerodontology*** (Gerodontologi, pengetahuan asas berkaitan bidang pergigian geriatrik, termasuk pengetahuan mengenai kondisi perubatan, perubatan kecemasan dan masalah lain yang berkaitan)

9.0 PERANCANGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN DOMISILIARI

9.1 Senarai Peralatan dan Bahan Pergigian yang Diperlukan

Senarai peralatan dan bahan yang diperlukan adalah seperti di **Lampiran 2**.

- Item berkaitan pengurusan:
 - Lencana Pas Kerja
 - Diari dan kad janji temu
 - Kad Rawatan Pesakit (kad LP8, Borang Persetujuan dan Borang penjelasan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari)
- Set pemeriksaan pergigian
- Set prostetik / gigi palsu
- Set tampalan
- Set penskaleran
- Set cabutan
- Bahan pergigian

9.2 Pengangkutan

Pasukan haruslah menggunakan kenderaan jabatan untuk menjalankan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari.

9.3 Isu Kesihatan dan Keselamatan

9.3.1 Kawalan Jangkitan

- Kebersihan tangan - Anggota pasukan haruslah membasuh tangan dengan sabun atau menggunakan cecair antiseptik sebelum dan selepas menyentuh pesakit dan persekitarannya¹³.
- Peralatan Pelindung Diri (*PPE*) -Penggunaan peralatan pelindung diri yang sesuai termasuk sarung tangan, pelitup hidung dan mulut, pelindung mata, pelindung muka dan gaun pakai buang¹³.
- Pembasmian kuman dan pensterilan - Masukkan alat yang tercemar ke dalam bekas khas yang bertutup sebelum dimasukkan ke dalam beg kuning untuk memudahkan

penghantaran kembali ke klinik untuk proses pembasmian kuman dan protokol pensterilan (contohnya: rendaman cecair disinfeksi, pembasuhan dan autoklaf)^{7,8}.

- Linen - Penggunaan bib atau gaun pakai buang. Sekiranya tiada linen pakai buang, sila masukkan linen yang tercemar ke dalam beg cucian linen dan kurangkan manipulasi beg tersebut untuk mengelakkan pencemaran udara, permukaan dan anggota-anggota kesihatan^{7,8,13}.
- Pembersihan - Pembersihan permukaan terminal sekitar kawasan rawatan sebelum dan selepas prosedur¹³.

9.3.2 Pengurusan Sisa Klinikal

- Sisa Klinikal - Sisa buangan domestik diasingkan di dalam beg plastik hitam, sisa buangan klinikal (tidak tajam) pula di dalam beg kuning dan sisa buangan klinikal (tajam) di dalam *sharp's bin*^{7,13}.
- Pengendalian tumpahan cecair badan -
Tumpahan kecil: Hapuskan dengan bahan penyerap, lap dengan tisu pembasmi kuman⁸.
Tumpahan besar: Tutup tumpahan dengan bahan penyerap, tuangkan natrium hipoklorit (NaOCl) 1:10 dan biarkan selama 5 minit. Lap dengan bahan penyerap dan letakkan ke dalam beg kuning⁸.

9.3.3 Pemantauan Biologi

- Kecederaan tusukan jarum-Mematuhi protokol kecederaan tusukan jarum dan isikan borang yang berkaitan sebaik kembali ke klinik¹⁴.
- Pengendalian spesimen - Gigi yang telah dicabut dimasukkan ke dalam beg kuning dan sampel untuk biopsi dimasukkan ke dalam bekas sampel biopsi dan dimasukkan ke dalam beg *biohazard*¹⁵.

9.3.4 Keselamatan Diri

Maklumat pesakit hendaklah diperiksa sebelum memasuki rumah pesakit atau pusat jagaan. Sentiasa pastikan perawat ditemani oleh anggota yang lain⁷.

9.3.5 Keselamatan Individu dan Kediaman

Maklumat peribadi pesakit haruslah di rahsiakan dan diuruskan berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 17/2010. Pastikan pesakit atau penjaga dihubungi sebelum Lawatan domisiliari. Personel pergigian haruslah mempamerkan pas kerja mereka semasa lawatan.

9.3.6 Penilaian Risiko Persekitaran

Penilaian risiko persekitaran perlu dilakukan terlebih dahulu melalui panggilan telefon sebelum lawatan untuk memastikan keselamatan anggota. Keadaan kehidupan pesakit perlu diperiksa atas faktor keselamatan dan kesianakutan untuk menerima rawatan domisiliari^{7,8}. Punca kuasa elektrik dan soket di rumah pesakit mestilah berfungsi dengan baik dan selamat untuk kegunaan peralatan elektrik seperti *mobile dental cutting unit* dan unit penyedut mudah alih (*mobile suction unit*). Akses terhadap sinki yang bersih dan bekalan air yang mencukupi sangat penting untuk mencuci tangan, peralatan dan pembersihan kawasan kerja. Sekiranya pesakit tinggal di kawasan perumahan yang bertingkat (flat/pangsapuri/kondominium), anggota pasukan domisiliari haruslah memastikan bahawa terdapat lif di bangunan tersebut untuk membawa peralatan pergigian. Tempat meletak kenderaan juga haruslah disediakan bagi memastikan keselamatan dan kemudahan kenderaan yang digunakan semasa lawatan.

9.4 Protokol Perubatan Kecemasan

- Pegawai Pergigian perlu menilai sejarah perubatan dan pergigian pesakit sebelum memulakan rawatan pergigian.
- Pegawai Pergigian haruslah berkebolehan menangani masalah perubatan pesakit semasa memberi rawatan pergigian.
- Pegawai Pergigian seharusnya mendapatkan latihan *Basic Life Support* sebagai langkah kesiapsiagaan menangani sebarang kecemasan perubatan yang mungkin berlaku semasa rawatan pergigian.
- Kit kecemasan dan ubat-ubatan diperiksa sebelum lawatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari.

9.5 Persediaan di Rumah/ Institusi

- Akses ke bilik rawatan yang mempunyai kerusi / katil yang mudah dialih mengikut posisi yang dikehendaki.
- Bekalan elektrik dan cahaya yang mencukupi.
- Sinki dan kawasan untuk pembersihan peralatan.
- Ruang untuk mengalihkan pesakit terlantar.
- Kakitangan tambahan untuk membantu pesakit yang mempunyai masalah tingkah laku.
- Maklumat riwayat perubatan pesakit boleh didapati dengan mudah.
- Mempunyai akses mudah ke tempat letak kenderaan.

10.0 KRITERIA DISCAJ

- Kriteria Discaj bagi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari Kepakaran
 - Pesakit atau penjaga dapat memberikan penjagaan kebersihan mulut yang baik.
 - Keadaan kesihatan mulut terkawal dan bebas dari penyakit seperti karies gigi, penyakit kandidiasis, ulser mulut dan lain-lain.
 - Tahap kesihatan mulut pesakit memuaskan.
- Kriteria Discaj bagi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari Primer
 - Pesakit gagal mematuhi janji temu sekurang-kurangnya 3 kali berturut-turut.
 - Pesakit atau penjaga tidak mahu meneruskan lawatan berkala.
 - Pesakit meninggal dunia.

11.0 CAJ PERKHIDMATAN

Caj perkhidmatan untuk lawatan domisiliari adalah dikecualikan merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan KK/BP/WAI(S)/09/692/79Jld5.sk.2/2013(1b) bertarikh 7 Jun 2013 (Lampiran X) yang menyatakan (9,12):

- i. Perkhidmatan lawatan rumah (*home visit*) yang meliputi lawatan susulan kesihatan ibu dan anak, kesihatan *post-natal*, kanak-kanak dan remaja, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kesihatan mental.
- ii. Perkhidmatan yang mempunyai kesinambungan kepada rawatan yang telah diberikan semasa pesakit berada di dalam wad dan lawatan tersebut telah dirancang terlebih dahulu dan telah dipersetujui oleh pakar-pakar demi kebaikan pesakit.
- iii. Perawatan pesakit di rumah oleh Jurupulih Carakerja dan Jurupulih Anggota (*nursing care/rehabilitation*) yang diberikan untuk memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan (*continuous care*) dan lain-lain aktiviti termasuk kes-kes terlantar (*bed ridden*), Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas.
- iv. Perkhidmatan kesihatan bergerak bagi meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman untuk golongan kurang berkemampuan termasuk Perkhidmatan Klinik Bergerak, Perkhidmatan *Flying Doctors Service (FDS)* dan Klinik Bergerak 1 Malaysia -KB1M (Bot/Bas).

Bagi rawatan penyediaan prostesis seperti gigi palsu dan splin yang diberikan semasa lawatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari, caj rawatan adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 (**Lampiran E**). Caj rawatan juga tertakluk kepada perubahan dan pindaan caj terkini.

12.0 PEMANTAUAN DATA DAN PENYIMPANAN REKOD

12.1 Borang-borang

- i. Surat rujukan kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari Primer (**Lampiran 3**)
- ii. Senarai semak kriteria kelayakan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari (**Lampiran 4**)
- iii. Borang keizinan lawatan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari oleh penjaga (**Lampiran 5**)
- iv. Borang keizinan rawatan oleh pesakit/penjaga (Borang PER/CONSENT/2016) (**Lampiran 6**)

12.2 Rekod

- i. Buku pendaftaran Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
- ii. Kad rawatan pergigian LP8
- iii. Borang reten untuk laporan bulanan dan tahunan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari

12.3 Cadangan Indikator Perkhidmatan

- i. Bilangan pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari di Perkhidmatan Primer atau Kepakaran
- ii. Bilangan Pegawai Pergigian yang dilatih bagi menjalankan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari
- iii. Bilangan pesakit yang dirujuk kepada pasukan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Domisiliari di Perkhidmatan Primer

12.4 Cadangan Indikator *Outcome*

Bilangan pesakit yang perlu dirujuk semula ke Perkhidmatan Kepakaran Pergigian Penjagaan Khas kerana masalah *poor oral hygiene*.

12.5 Pengukuran Keberkesanan

- i. Kajian Kepuasan Pelanggan

RUJUKAN

1. Fiske, J.& Lewis, D. (2000). *The development of standards for domiciliary dental care services: guidelines and recommendations*. *Gerodontology*,17(2),119-122.
2. Borreani, E., Wright, D., Scambler, S.& Gallagher, J.E. (2008). *Minimising barriers to dental care in older people*. *BMC Oral Health*,8(1),7.
3. Dougall, A.& Fiske, J. (2008). *Access to special care dentistry, part 1: Access*. *British Dental Journal*,204(11),605-616.
4. Kayser, J. J., Bird, W.F., Paul, S.M., Long, L.& Schell, E.S. (1995). *An instrument to assess the oral health status of nursing home residents*. *The Gerontologist*,35(6),814-824.
5. Sweeney, M., Manton, S., Kennedy, C., Macpherson, L.& Turner, S. (2007). *Provision of domiciliary dental care by Scottish dentists: a national survey*. *British Dental Journal*,202(9),E23-E.
6. Walls, A. (2005). *Domiciliary dental care*. *Oral Care in Advanced Disease*,37.
7. Debbie, L. & Janice, F. (Aug. 2009). *British Society for Disability and Oral Health: Guidelines for the Delivery of a Domiciliary Oral Healthcare Service*.
8. *Bradford and Airedale Salaried Dental Service*. (2010). *Protocol for Dental Care in Domiciliary Setting*.
9. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014). *Garis Panduan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di Kesihatan Primer*.
10. *The Special Interest Group*. (2006). *Guidelines for the delivery of a domiciliary Oral Health Care Service*. *Journal of Disability and Oral Health*.7,166-172.
11. *Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan)*, 2017, Lampiran E.
12. *Surat Pekeliling Perbendaharaan*, KK/BP/WAI(S)/09/692/79Jld5. sk.2/2013 (1b), 7 June 2013 (Lampiran X).
13. *Malaysian Dental Council*. (2007). *Guidelines on Infection Control in Dental Practice*. *Oral Health Division Ministry of Health*.

